

Ketidaksuburan perlu dirawat untuk tingkatkan kelahiran

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

KUALA LUMPUR - Faktor ketidaksuburan yang menyebabkan wanita gagal hamil menjadi faktor utama mempengaruhi penurunan kadar kelahiran di negara ini sejak beberapa tahun lalu.

Pakar Perubatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia, Dr. Suhazeli Abdullah berkata, ketidaksuburan mengikut takrifan Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) merupakan penyakit sistem pembiakan yang diukur dengan kegagalan

hamil walaupun telah melakukan hubungan seks selama 12 bulan atau lebih.

Menurut beliau, wanita yang pernah hamil tetapi mengalami keguguran turut dikategori sebagai tidak subur oleh WHO.

"Banyak faktor yang menjadi punca ketidaksuburan antaranya seperti usia, tabiat merokok, pengambilan alkohol secara berlebihan, obesiti, tekanan dan pelbagai lagi. Semua masalah



SUHAZELI



RUMAYA

tersebut perlu diatasi bagi pasangan yang mahu mempunyai zuriat," kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut Suhazeli, antara rawatan masalah ketidaksuburan yang moden ketika ini ialah menerusi kaedah terapi reproduktif iaitu bantuan persenyawaan in vitro (IVF) yang dilihat mampu membantu wanita untuk hamil sekali gus meningkatkan semu-

la kadar kelahiran negara.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari berpendapat, penurunan kadar kelahiran negara lebih kepada pasangan mengawal kehamilan kerana tidak sanggup memikul tanggungjawab sebagai ibu bapa pada usia muda.

"Masyarakat sekarang tidak suka mempunyai anak pada usia muda kerana menganggap ia sebagai satu bebanan di sebalik keinginan untuk hidup bebas. Pili-

han pasangan berkahwin enggan mempunyai anak merugikan negara kerana Malaysia mempunyai sumber kekayaan banyak tetapi bilangan penduduk semakin sedikit," kata beliau.

Jelasnya lagi, Malaysia akan berdepan masalah besar jika penurunan kadar kelahiran berterusan kerana ia menyebabkan negara berdepan kekurangan tenaga kerja, jumlah pelajar berkurangan dan tidak berlaku kelestarian ekonomi sekali gus menggagalkan matlamat untuk mencapai jumlah penduduk 70 juta menjelang 2035.